



Biodata



Mohamed Noh Daipi

mohamed_noh_daipi@schools.gov.sg

Encik Mohamed Noh Daipi mula bertugas dalam perkhidmatan pendidikan pada tahun 1983. Beliau pernah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di dua buah maktab rendah dan sebuah sekolah menengah sebelum bertugas di Kementerian Pendidikan sebagai Nazir Khas Bahasa Melayu pada tahun 1990. Selanjutnya, beliau bertugas sebagai Pegawai Kurikulum di Kementerian Pendidikan dan Penolong Pengetua di Sekolah Menengah Dunman. Pada tahun 2002, beliau bertugas sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD), Kementerian Pendidikan Singapura. Sejak penubuhan Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan pada tahun 2010, beliau merangkap tugas Pengarah Pusat MLCS. Bermula dari tahun 2014, beliau bertugas sepenuh masa di MLCS setelah melepaskan tugas beliau di CPDD. Tugas yang disandang kini lebih fokus kepada pembinaan keupayaan guru melalui program pembangunan profesional termasuk menganjurkan kursus, seminar, sesi perkongsian profesional, persidangan serantau dan program penyerapan bagi guru. MLCS juga aktif membina bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran secara kreatif bagi memperkaya kurikulum Bahasa Melayu.

Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim

Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim ialah mantan penyandang Kursi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Rendah Zainab, Kota Bharu dan menengah di Maktab Perempuan Melayu, Kuala Lumpur (kini Kolej Tunku Kurshiah). Beliau memperoleh Ijazah B.A. (Hons) pada tahun 1963 dan M.A. pada tahun 1965 dari Universiti Malaya. Ijazah Ph.D. diperoleh daripada Universiti Ohio, Amerika Syarikat (1976). Kerjaya beliau bermula di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, sebagai pensyarah, Profesor Madya dan seterusnya Profesor Pengajian Melayu. Dalam bidang pentadbiran, beliau pernah menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Pengarah Akademi Pengajian Melayu dan pernah dipinjamkan ke Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Timbalan Ketua Pengarah.

Bidang pengkhususan beliau ialah linguistik Melayu. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 35 buah buku dan ratusan makalah dalam bidang ini. Yang paling terkenal ialah *Tatabahasa Dewan* yang diusahakan bersama tiga orang ahli bahasa lain. Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan, antaranya: Tokoh Bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejuang Bahasa oleh Persatuan Linguistik Malaysia, Gelaran “Profesor Emeritus” oleh Universiti Malaya, Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Melayu oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga Ijazah Kehormat Doktor Persuratan Melayu oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tokoh Akademik Negara oleh Kerajaan Malaysia dan Tokoh Maulidur Rasul peringkat kebangsaan.

Profesor Datuk Dr Awang Sariyan

awsr@yahoo.com

Profesor Datuk Dr Awang Sariyan kini Penyanggah Kursi Za'ba, Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Sebelumnya beliau ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Penyanggah Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Beijing Foreign Studies University (dua kali), Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Profesor Bahasa di Akademi Pengajian Melayu Universti Malaya dan beberapa jawatan akademik dan pentadbiran yang lain. Selain menjadi tenaga akademik di Malaysia, beliau pernah menjadi Pensyarah Kanan di Universiti Brunei Darussalam. Beliau pernah menjadi Profesor Tamu Pusat Pengajian Asia Tenggara Universiti Frankfurt, Jerman dan Universiti Sumatera Utara, Indonesia. Di samping jawatan hakiki, beliau pernah dilantik menjadi Profesor Adjung di Universiti Pendidikan Sulltan Idris, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan kini di Universiti Putra Malaysia. Universiti Sultan Zainal Abidin melantiknya sebagai Karyawan Ulung (2019-2021). Beliau dikurniai gelar Profesor Kehormat oleh Beijing Foreign Studies University dan ijazah Doktor Falsafah Kehormat oleh World Academy of Arts, California, Amerika Syarikat.

Karya tulisnya meliputi lebih 60 buah buku ilmiah, buku umum, buku teks, kamus dan buku kumpulan puisi persendiriannya, ratusan makalah ilmiah dan umum dalam pelbagai jurnal, majalah, akhbar, bab dalam buku dll. Lebih 200 syarahan dan kertas kerjanya dibentangkan di pelbagai negara seperti Australia, Belanda, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Jerman, Korea Selatan, Perancis, Republik Rakyat China, Rusia, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan United Kingdom. Dalam persatuan, beliau pernah menjadi Setiausaha Kehormat dan kemudian sebagai Presiden Persatuan Linguistik Malaysia selain aktif dalam Majlis Perundingan Melayu, Kumpulan Prihatin dan beberapa persatuan lain.

Beliau dikurniai darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N) bergelar Datuk daripada Yang di-Pertuan Agong Malaysia dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N) bergelar Dato' daripada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.

Profesor Madya Dr Indirawati Zahid

indirawatizahid@gmail.com

Indirawati Zahid merupakan seorang pensyarah berjawatan Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Jawatan pertama sebelum menjadi pensyarah ialah seorang guru dan Ketua Panitia Bahasa Melayu di salah sebuah sekolah berasrama penuh. Berkelulusan Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, kelas Pertama; Diploma Pendidikan; Sarjana Sastera dan Ph.D. Kajian peringkat Sarjana berkaitan bidang Semantik Leksikal sementara pada peringkat Ph.D berkaitan bidang Fonetik Akustik - Intonasi. Bidang kepakaran beliau mencakupi tiga bidang yang saling berhubungan, iaitu Semantik Leksikal, Prosodi/Intonasi dan Pragmatik (Kesantunan). Beliau telah menghasilkan tiga buah buah berkaitan fonetik fonologi, iaitu *Fonetik dan Fonologi* (2006), *Fonetik dan Fonologi Edisi Kedua* (2012) dan *Pengantar Fonetik* (2016). Sementara itu terdapat dua buah buku yang dijangkakan terbit pada tahun 2020, iaitu *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Makna, Konteks dan Komunikasi*. Selain penulisan dalam bentuk buku, beliau juga menghasilkan penerbitan bab dalam buku, artikel dalam jurnal berindeks Scopus dan berwasit. Beliau juga menjadi editor untuk beberapa buah buku selain menjadi penilai untuk artikel dalam jurnal yang diterbitkan di dalam dan luar negara.

Profesor Madya Dr Dahlia Janan

dahlia@fbk.upsi.edu.my

Profesor Madya Dr Dahlia Janan dilahirkan di Ipoh, Perak. Berpengalaman sebagai pendidik selama sekitar 23 tahun. Beliau pernah mengajar di sekolah rendah selama hampir lima tahun dan mengajar di sekolah menengah hampir empat tahun. Beliau mula bertugas di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2004. Kini, beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Beliau mendapat pendidikan asas perguruan di Institut Perguruan Sultan Idris pada tahun 1990 dan melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung malim, Perak pada tahun 1997 dan 2000. Ketika berkhidmat sebagai pensyarah di UPSI, beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke University of Warwick, United Kingdom. Di penghujung pengajian kedoktoran, beliau telah memenangi hadiah tesis PhD terbaik seluruh United Kingdom bagi bidang literasi yang dianugerahkan oleh United Kingdom Literacy Assosiation, 2012. Bidang kepakaran Profesor Madya Dr. Dahlia Janan, ialah proses membaca dan pedagogi dalam literasi; kebolehbacaan dan pendekatan inovatif untuk menilai kesukaran dan kerumitan teks dan kajian perbandingan dalam proses bacaan dan literasi. Kini, beliau juga sedang meneroka bidang penyelidikan kurikulum bahasa, penyelidikan penilaian dan pengukuran bahasa serta inovasi dalam pembinaan bahan bantuan mengajar untuk Bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Profesor Madya Dr Norliza Jamaluddin

norliza@fbk.upsi.edu.my

Norliza Jamaluddin ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi Unversiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian daripada Univesiti Malaya. Setelah itu, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat Sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam bidang Leksikografi. Setelah beberapa tahun bertugas di UPSI, beliau menyambung semula pengajiannya pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah juga di Universiti Malaya, iaitu di Fakulti Bahasa dan Linguistik. Bidang yang diteliti pada peringkat tersebut bidang tatabahasa dengan tumpuan khusus terhadap kata sifat bahasa Melayu yang berasaskan data korpus berkomputer. Pada tahun 2015, beliau telah melakukan kajian pascakedoktoran di Universiti Lancaster, United Kindom selama setahun juga dalam bidang tatabahasa berasaskan data korpus berkomputer. Minatnya yang mendalam terhadap bidang ini telah membolehkan beliau menghasilkan sebuah buku *Perlakuan Kata Sifat Bahasa Melayu Berasaskan Data Korpus Berkomputer* pada tahun 2015. Muktahir ini, beliau menjalankan beberapa kajian dan menghasilkan beberapa artikel yang berkaitan dengan pengajaran Sintaksis dan Morfologi berpacuan data korpus, khususnya di institusi pengajian tinggi.



Dr Fadilah Isnin

fadilah_isnin@schools.gov.sg

Dr Fadilah Isnin mendapat ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu pada tahun 2002 daripada Universiti Malaya. Pada tahun 2004, beliau memperoleh Sarjana Pengajian Melayu diikuti dengan ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2011 daripada universiti yang sama. Dr Fadilah mempunyai pengalaman mengajar di sekolah rendah dan menengah. Beliau juga pernah bertugas sebagai Pegawai Perancang Kurikulum di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum selama lima tahun dan sebagai Ketua Jabatan Bahasa-bahasa Asia sebelum dilantik sebagai Guru Pakar pada tahun 2010. Pada tahun 2014 beliau dilantik sebagai Pengetua Guru Pakar. Dr Fadilah mempunyai pengalaman dalam pembinaan kurikulum dan bahan pengajaran sekolah rendah dan menengah. Kini Dr Fadilah membina bahan dan menjalankan program pembangunan profesional bagi guru Bahasa Melayu. Beliau berminat dalam perkembangan literasi awal murid dan telah mengusahakan beberapa kajian berkaitan dengan literasi asas untuk membantu murid yang mempunyai masalah membaca, pembinaan bahan 'Bijak Baca' bagi membimbing kefahaman membaca murid dan juga bahan yang berkaitan dengan penulisan dan kemahiran berfikir.

Rahmat Subadah

rahmat_subadah@ schools.gov.sg

Encik Rahmat Subadah meraih ijazah Sarjana Muda pada tahun 1987 daripada Universiti Nasional Singapura. Beliau memulakan kerjaya sebagai guru setelah memperoleh diploma pascasiswazah dari Institut Pendidikan Nasional Singapura/ Universiti Teknologi Nanyang pada tahun 1996. Beliau memperoleh Sarjana Pendidikan pada tahun 2006. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Perancang Kurikulum di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan selama lima tahun. Selepas itu beliau bertugas sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu di Sekolah Menengah CHIJ St Joseph's Convent pada tahun 2009. Pada tahun 2011, Encik Rahmat mula bertugas sebagai Guru Pakar di Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan. Antara bidang yang amat diminati beliau ialah aspek pedagogi, penilaian dan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.



Muhamad Rafi Abu Bakar

Muhamad_rafi_abu_bakar@schools.gov.sg

Encik Muhamad Rafi mendapat Diploma Pendidikan pada tahun 1993. Beliau melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) di NTU/NIE pada tahun 2003 dan peringkat Sarjana pada tahun 2010 daripada universiti yang sama. Beliau berpengalaman mengajar di sekolah rendah dan menengah. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Jabatan (PE/CCA, Bahasa Ibunda dan Disiplin) semasa mengajar di sekolah rendah dan menengah. Beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Perancangan Kurikulum sebelum dipindahkan ke Pusat Bahasa Melayu Singapura. Encik Rafi mempunyai pengalaman membina kurikulum dan membina bahan buku teks sekolah menengah sewaktu bertugas di Kementerian Pendidikan. Beliau dilantik sebagai Guru Pakar pada tahun 2012. Bidang yang beliau terajui dalam latihan untuk guru ialah penulisan, kajian pengajaran, literasi visual dan pembinaan bahan app e-buku.

Siti Faridah Omar

siti_faridah_omar@schools.gov.sg

Puan Siti Faridah Omar telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama 25 tahun. Beliau memulakan kerjaya dengan mengajar selama 7 tahun di Sekolah Rendah West Lake dan Sekolah Rendah North View. Kemudian, setelah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, beliau telah ditugaskan mengajar di Sekolah Menengah Woodgrove selama 13 tahun. Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda selama 14 tahun. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu pada tahun 2000 daripada Universiti Malaya, dan menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) di Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang pada tahun 2013. Siti Faridah juga telah berkhidmat sebagai Ketua Kelompok bagi Zon Utara 5 dan Zon Utara 7 sepanjang penglibatan beliau di peringkat sekolah. Pada 2014, beliau telah bertugas sepenuh masa sebagai Pegawai Jurulatih di Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan. Beliau telah menjalankan pelbagai kursus untuk para guru, membuat beberapa perkongsian profesional yang berkait dengan strategi pengajaran dan penilaian di peringkat sekolah, zon, nasional dan di persidangan serantau. Pada tahun 2016, Puan Siti Faridah Omar menjawat jawatan Guru Pakar di Pusat Bahasa Melayu Singapura.



Penghargaan



Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura menghulurkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

- Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- Profesor Datuk Dr Awang Sariyan daripada Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- Profesor Madya Dr Indirawati Zahid daripada Universiti Malaya yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- Profesor Madya Dr Dahlia Janan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menyumbangkan kertas kajian;
- Profesor Madya Dr Norliza Jamaluddin daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang turut menyumbangkan kertas kajian;
- Para pegawai Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyumbangkan kertas kajian: Encik Mohamed Noh Daipi, Dr Fadilah Isnin, Encik Rahmat Subadah, Encik Muhamad Rafi Abu Bakar dan Puan Siti Faridah Omar;

dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan Dian Bahasa Jilid 2.